



Universiti Teknologi MARA dengan ini mempelawa calon-calon Warganegara Malaysia berstatus Bumiputera/Bukan Bumiputera (Jawatan Akademik) yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi jawatan **Pensyarah Sambilan Sepenuh Masa (PTFT)** di UiTM Cawangan Johor.

#### A. JAWATAN AKADEMIK

UiTM CAWANGAN JOHOR, KAMPUS SEGAMAT	FAKULTI/KOLEJ PENGAJIAN	BIDANG PENGAJARAN	JADUAL GAJI	
			SARJANA MUDA	SARJANA/ DOKTOR FALSAFAH
	Akademi Pengajian Bahasa	Bahasa Inggeris	RM 2,300.00	RM 2,800.00

#### JAWATAN AKADEMIK

#### PENSYARAH SAMBILAN SEPENUH MASA (PTFT)

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) Warganegara Malaysia
  - (b) Pemohon-pemohon lantikan terus hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
  - (c) Syarat Kelayakan
    - i. Mendapat kepujian dalam Bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau setaraf.
    - ii. Calon-calon mestilah memiliki kelayakan CGPA 3.00 dan ke atas atau Kelas Kedua Tinggi di peringkat Sarjana Muda bagi semua bidang.
    - iii. Memiliki kelayakan Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Universiti.
    - iv. Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
    - v. Menguasai Bahasa Inggeris (lisan dan tulisan) dengan baik.
    - vi. Telah tamat pengajian sepenuhnya (sama ada di peringkat Ijazah Sarjana Muda atau Sarjana).
    - vii. Calon yang sedang mengikuti program sarjana tidak boleh dipertimbangkan walaupun telah memiliki Ijazah Sarjana Muda.
    - viii. Mempunyai rekod peribadi yang baik. Calon yang pernah dibuangkerja atas sebab tatatertib tidak boleh dipertimbangkan.
    - ix. Mempunyai pengalaman mengajar merupakan satu kelebihan.

## CARA-CARA MEMBUAT PERMOHONAN

1. Permohonan hendaklah dibuat dengan melayari laman sesawang di <https://pengambilancns.edu.my/> dan membuat permohonan secara dalam talian (online) sahaja dengan mengisikan maklumat yang diperlukan.
2. Pemohon dikehendaki membeli nombor pin di dalam sistem pengambilan dengan bayaran RM10.00 bagi setiap nombor pin untuk setiap satu jawatan yang dimohon.
3. Sekiranya anda terpilih untuk ditemuduga, sila bawa bersama dokumen asal dan satu (1) salinan borang yang telah dicetak dan disahkan ke sesi temuduga. Sekiranya dokumen lengkap tidak dikemukakan, panggilan temuduga adalah terbatal. Dokumen-dokumen yang telah disahkan hendaklah dikepilkan mengikut susunan berikut:
  - i. Borang Permohonan
  - ii. Kad Pengenalan
  - iii. Sijil Kelahiran
  - iv. Sijil PT3/PMR, SPM/MCE, HCE/STPM atau setaraf
  - v. Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana, Ph.D (Skrol dan Transkrip Akademik Terperinci)
  - vi. Surat Pengiktirafan Kelayakan Akademik daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)
  - vii. Dokumen berkaitan dengan jawatan yang dipohon
4. Maklumat tambahan, bagi permohonan jawatan Pensyarah Sambilan Sepenuh Masa yang berkecualan Ijazah Sarjana hendaklah memiliki CGPA 3.00 ke atas/Kelas Kedua Tinggi/Mumtaz/Jayyid Jiddan atau setaraf diperingkat Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana. (Pengecualian bagi pemohon yang telah memiliki kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) atau setara).
5. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.
6. Permohonan yang tidak lengkap juga tidak akan diproses.
7. Tarikh iklan dikeluarkan pada 3 Oktober 2024 (Khamis). **TARIKH TUTUP PERMOHONAN ADALAH PADA 9 OKTOBER 2024 (RABU).**

Sebarang pertanyaan dan aduan boleh dikemukakan kepada:

**BAHAGIAN PENTADBIRAN**  
**Universiti Teknologi MARA**  
**Cawangan Johor, Kampus Segamat**

No. Tel : +(607) – 9352272/2010/2273/2020

Email : [pengambilancj@staf.uitm.edu.my](mailto:pengambilancj@staf.uitm.edu.my)